

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah peruntukan bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan setakat ini berapakah rumah yang sudah dihuni serta apakah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan pusat dalam melaksanakan projek itu.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM283,381,125.00 bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Bantuan ini terdiri daripada pemberian bantuan khas kematian akibat bencana, bantuan wang ihsan banjir, pembinaan Rumah Kekal Baharu (RKB), pembaikan rumah rosak dan kebajikan mangsa banjir di pusat pemindahan.

Setakat 4 November 2015, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 unit RKB yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan perlu membina 1,123 unit manakala Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak 449 unit. Sebanyak 187 unit rumah yang dibina oleh NGO juga telah diiktiraf oleh sebagai RKB. Sementara itu, 68 unit RKB lagi tidak akan dibina setelah siasatan lanjut mendapati mangsa yang terlibat tidak layak.

Sehingga kini, sebanyak 186 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 268 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 40 unit lagi dalam peringkat pra-bina. Kos pembinaan untuk setiap unit rumah adalah RM55,000.00 tidak termasuk kos perolehan tanah dan kerja-kerja infrastruktur.

Selain itu, 511 unit rumah lagi telah disediakan tapak untuk dimulakan pembinaan pada pertengahan Oktober 2015 berikutan terdapatnya

tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, milik KESEDAR dan milik FELDA serta tanah-tanah persendirian yang diperolehi menerusi pengambilan tanah. Pembinaan RKB ini dijangka siap pada bulan Februari 2016. Sebanyak 118 unit lagi sedang dalam siasatan untuk menentukan kelayakan. Walau bagaimanapun, tapak untuk unit-unit dalam siasatan ini telah pun disediakan.

Kelewatan memulakan pembinaan antaranya disebabkan oleh kekangan pelaksanaan diperingkat awalan berikutan ketiadaan tanah-tanah yang sesuai untuk dibangunkan RKB, kos infrastruktur yang tinggi serta proses pengambilan tanah persendirian yang mengambil masa untuk verifikasi tapak, pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa. Untuk pembinaan RKB berkelompok, ianya baru diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada 14 Oktober 2015. Selain itu, kelulusan menggunakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan juga baru diperolehi.

Sekian. Terima kasih.